

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# **Dr. M Iantik Ramli Tim. Pengerusi Perhubungan UMNO Perak**

IPOH, Khamis.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah melantik Ahli Exco Encik Ramli Ngah Talib sebagai Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Perak.

Menteri Besar Datuk Seri Wan Mohamed Haji Wan Teh mengumumkan hari ini, beliau telah menerima surat rasmi daripada Perdana Menteri selaku Presiden UMNO, melantik Encik Ramli untuk jawatan itu.

Encik Ramli, 40 tahun, berkelulusan undang-undang dan sekarang Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kampung Gajah ialah Pengerusi Jawatankuasa Perbadanan Awam Negeri.

Perlantikan itu dibuat bagi mengisi kekosongan setelah Perdana Menteri menyerahkan Jawatan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri kepada Datuk Seri Wan Mohamed di mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO lalu.

Sebelum itu Menteri Besar ialah Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri. — Bernama.